

KOMENTAR

PILIHAN RAYA PRESIDEN AMERIKA SYARIKAT 2024: DINAMIKA, ISU DAN IMPLIKASI GLOBAL ^{©Σ}

NORHAFIZA MOHD HED*

ABSTRAK

Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat (AS) 2024 yang telah melabuhkan tirainya pada 5 November 2024 menyaksikan kemenangan kali kedua Donald Trump sebagai presiden dalam sejarah politik Amerika. Trump berjaya mengekalkan popularitinya dalam kalangan pengundi Republikan meskipun menghadapi cabaran sengit daripada lawannya, iaitu Kamala Harris yang bertanding di bawah tiket parti Demokrat. Pilihan raya presiden 2024 ini dilihat sebagai peristiwa signifikan yang mencerminkan perubahan politik, ekonomi, dan sosial yang besar dalam konteks moden. Dalam keadaan politik yang berpecah, tumpuan diberikan kepada pengaruh pengundi muda, dikotomi bandar-luar bandar dan minoriti, serta isu-isu seperti ekonomi, hak asasi manusia, dan perubahan iklim yang menjadi agenda utama. Oleh itu, komentar ini membincangkan beberapa dimensi utama pilihan raya presiden AS dengan menumpukan kepada dinamika politik terkini, isu-isu kritikal, serta implikasi global pilihan raya ini. Pada skala global, keputusan pilihan raya ini bukan hanya membawa kesan besar kepada dasar politik dan ekonomi di Amerika Syarikat sahaja, namun ianya memberi impak besar terhadap hubungan dan keselamatan antarabangsa, khususnya isu Palestin-Israel. Secara keseluruhan, artikel ini menekankan signifikan pilihan raya ini dalam menentukan arah masa depan AS dan implikasinya terhadap landskap geopolitik dunia.

Kata Kunci: dinamika politik; isu kritikal; implikasi global; geopolitik; Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat

© The Author(s). 2024. Published by UKM Press on behalf of SPHEA, FSSH, UKM, and MAFDC. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution License (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits unrestricted reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

^Σ **Article Info:** Submission date: 29 December 2024; Acceptance date: 31 December 2024; Publication date: 31 December 2024.

* **First and Corresponding Author:** Norhafiza Mohd Hed, *PhD* (Sheffield); Visiting Fellow, Southeast Asia Program, Cornell University, Ithaca 14850, New York, United States; Senior Lecturer, Department of Malaysian Studies, Faculty of Human Sciences, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia. Email: norhafiza@fsk.upsi.edu.my.

COMMENTARY**THE 2024 UNITED STATES PRESIDENTIAL ELECTION: DYNAMICS, ISSUES, AND GLOBAL IMPLICATIONS**NORHAFIZA MOHD HED

ABSTRACT

The 2024 United States Presidential election, held on 5 November 2024, marked Donald Trump's second victory as president, signifying a pivotal moment in American political history. Trump successfully retained strong support among Republican voters despite facing stiff competition from Kamala Harris, the Democratic candidate. This election reflects significant transformations in the modern political, economic, and social landscape, particularly within an increasingly polarised society. This study examines key dimensions of the 2024 presidential election, including the role of young voters, the urban-rural divide, and the influence of minority groups, alongside critical issues such as the economy, human rights, and climate change, which dominated the campaign agenda. Adopting a qualitative approach involving the analysis of election reports and related documents, this study explores the current political dynamics and their implications for the United States' domestic policies and international relations. The findings reveal that the election outcomes not only reshaped America's political and economic policies but also carried significant implications for international relations, particularly in the context of the Palestine-Israel conflict and global security. This article underscores the importance of this election in determining the future trajectory of the United States and its influence on the global geopolitical landscape.

Keywords: *political dynamics; critical issues; global implications, geopolitics; United States' Presidential election*

Pengenalan

Pada 5 November 2024 lalu, seramai lebih dari 156 juta rakyat Amerika Syarikat (AS) yang berumur 18 tahun ke atas telah melaksanakan tanggungjawab mereka untuk memilih Presiden AS yang ke-47 menerusi pilihan raya (Election Lab, 2024). Pilihan Raya presiden yang dijalankan setiap empat tahun sekali ini merupakan medan utama dalam menentukan kawalan ke atas Kongres dan Rumah Putih, terutamanya polisi keselamatan nasional dan dasar luar (Hall, 2012). Pilihan raya presiden kali ini penuh dengan ketegangan politik apabila menyaksikan mantan presiden Donald Trump dari Parti Republikan bersaing sengit dengan Naib Presiden Kamala Harris, calon dari Parti Demokrat. Pemilihan presiden ini menarik perhatian global kerana ia memberi kesan besar terhadap hubungan ekonomi, keselamatan dan diplomatik di peringkat antarabangsa. Pada pilihan raya ini, Trump berjaya mengalahkan Harris dengan undi elektoral sebanyak 312 berbanding dengan Harris yang hanya menguasai sebanyak 226 undi elektoral (CNN Politics, 2024). Trump juga berjaya meningkatkan jumlah undi popularnya dengan memperolehi sebanyak 77,284,118 undi, atau 49.8%. Ini adalah jumlah undi kedua tertinggi dalam sejarah AS, hanya di belakang 81,284,666 undi yang dimenangi oleh Joe Biden pada tahun 2020 (Lindsay, 2024, 8 Disember). Trump kini memegang rekod untuk jumlah undi popular kumulatif terbanyak yang dimenangi oleh mana-mana calon presiden dalam sejarah AS, mengatasi Barack Obama. Ini kerana penglibatan beliau sebanyak tiga kali dalam pencalonan sebagai presiden di Rumah Putih sememangnya membantu meningkatkan popularitinya. Sebaliknya, Kamala Harris memperoleh sebanyak 74,999,166 undi atau 48.3% undi popular. Jumlah ini adalah 6,285,500 undi lebih sedikit berbanding dengan yang dimenangi oleh Biden pada tahun 2020.

Meskipun Trump berdepan dengan tuduhan jenayah termasuklah penyalahgunaan kuasa, penipuan kewangan dan hasutan rusuhan, namun beliau berjaya menawan tujuh 'swing states' (negeri yang mempunyai sokongan yang sama bagi kedua-dua parti Republikan dan Demokrat) iaitu Michigan, Arizona, Pennsylvania, Georgia, North Carolina, Wisconsin, dan Nevada (Reuters, 2024, 9 November). Jika dilihat dari segi dikotomi bandar dan luar bandar, pilihan raya ini mengikut corak yang sama seperti pilihan raya presiden yang lalu di mana kawasan luar bandar cenderung memilih parti Republikan, manakala kawasan bandar lebih cenderung memberi sokongan kepada parti Demokrat. Oleh itu, dapat dilihat bahawa salah satu faktor kemenangan Trump ini disumbangkan oleh sokongan pengundi luar bandar di AS.

Dinamika Politik Semasa

Landskap politik AS pada tahun 2024 dan tahun sebelumnya mengalami transformasi yang ketara apabila wujud ketegangan yang meningkat dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam isu-isu seperti kawalan senjata, perubahan iklim, hak reproduktif, dan dasar imigresen. Oleh itu, pilihan raya presiden 2024 ini memperlihatkan bagaimana parti-parti utama, khususnya parti Republikan dan Demokrat bersaing untuk mempengaruhi hala tuju negara. Terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada kerencaman dan perubahan politik di Amerika Syarikat.

Salah satu perubahan utama dalam politik AS ialah polarisasi politik yang mendalam dalam kalangan parti politik dan masyarakat. Menurut kajian Pew Research Center (2023), pengundi di AS semakin terbahagi berdasarkan ideologi politik mereka, dan terdapat perbezaan yang besar dalam pandangan mengenai isu-isu utama seperti

ekonomi, hak asasi manusia, dan keselamatan negara. Polarisasi ini tidak hanya berlaku dalam kalangan elit politik, tetapi juga berlaku dalam masyarakat umum, dengan pengundi yang lebih cenderung untuk memilih calon berdasarkan kesetiaan kepada parti, bukan pada dasar atau kualiti peribadi calon tersebut (Fiorina et al., 2005). Bahkan, fenomena ini boleh menghasilkan ketegangan, sekali gus meningkatkan risiko keganasan politik apabila pihak yang tidak bersetuju dengan dasar-dasar yang ditetapkan oleh satu pihak merasa semakin terasing. Misalnya, sokongan yang kuat terhadap calon-calon yang membawa agenda ekstrem, seperti Donald Trump dari Parti Republikan, yang memperkenalkan ideologi nasionalisme dan dasar luar negara yang agresif, berbanding dengan Kamala Harris dari Parti Demokratik, yang mempromosikan nilai-nilai lebih progresif.

Selain itu, isu perkauman dan ketidaksetaraan sosial adalah juga dilihat penting dalam politik AS. Misalnya, gerakan Black Lives Matter yang bangkit pada 2013 selepas kematian Michael Brown terus mendapat sokongan besar masyarakat sehingga kini dan ia mencerminkan wujud ketegangan berkaitan dengan hak kaum Afrika Amerika dan kumpulan minoriti lain. Ziblatt dan Levitsky (2018) menyatakan bahawa ketidaksetaraan ekonomi dan sosial telah menyebabkan perpecahan dalam masyarakat, dan bagaimana isu-isu ini mempengaruhi dasar-dasar di AS. Selain isu perkauman, isu ketidaksetaraan ekonomi juga terus menjadi cabaran besar bagi AS. Dengan peningkatan jurang kekayaan antara golongan kaya dan miskin, serta tekanan terhadap kelas pekerja, banyak pengundi berasa kecewa dengan sistem ekonomi yang dianggap tidak memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat. Isu ini sering kali dijadikan bahan perdebatan dalam kempen politik, dengan kedua-dua parti utama cuba menarik sokongan daripada golongan pengundi yang terpinggir.

Satu lagi dinamika penting ialah peranan pengundi muda dan kumpulan minoriti. Pengundi dari generasi milenial dan Gen Z kini membentuk segmen besar dalam populasi pemilih, dan keutamaan mereka mungkin mempengaruhi keputusan pilihan raya, terutamanya dalam penggunaan media sosial. Platform utama media sosial seperti Twitter, Facebook, dan YouTube menjadi saluran utama untuk menyebarkan maklumat politik. Walaupun media sosial menawarkan peluang untuk perbincangan terbuka dan penglibatan politik, ia juga membawa cabaran besar dalam bentuk penyebaran berita palsu dan disinformasi (Tufekci, 2017). Selain itu, pengundi daripada kumpulan minoriti seperti Latin, Afrika-Amerika, dan Asia juga semakin menjadi blok penting dalam menentukan kemenangan dalam pilihan raya di AS.

Pilihan raya presiden AS sangat berkait rapat dengan perubahan dan implikasi global. Ini kerana AS sebagai kuasa besar dunia, mempengaruhi keputusan politik dan ekonomi di seluruh dunia. Dalam konteks ini, dasar luar negara AS yang ditentukan oleh Presiden akan mempengaruhi hubungan dengan negara-negara besar seperti China, Rusia, serta negara-negara berkembang di Afrika dan Asia Tenggara (Blais & St-Vincent, 2018). Ketidakpastian politik dalam AS boleh menyebabkan gangguan dalam perdagangan antarabangsa, serta mempengaruhi kestabilan ekonomi negara-negara yang bergantung pada hubungan dagang dengan AS. Contohnya, dasar perdagangan AS terhadap China telah mengubah landskap perdagangan global, dengan perbalahan perdagangan yang berlarutan antara kedua-dua negara, serta ketegangan mengenai isu teknologi dan keselamatan.

Isu-isu Utama dalam Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat 2024

Pilihan raya 2024 ini menumpukan kepada beberapa isu utama yang signifikan kepada pengundi. Newsnation (2024) telah merumuskan beberapa agenda utama yang diketengahkan oleh Trump dan Harris dalam perdebatan politik mereka:

Pertama, isu ekonomi dan kos sara hidup kekal menjadi keutamaan bagi ramai pengundi, terutama dengan inflasi yang masih menjadi kebimbangan besar (Brenan, 2024, 9 Oktober). Calon yang mampu memberikan penyelesaian praktikal terhadap cabaran ekonomi pastinya mendapat kelebihan. Trump menjanjikan potongan cukai untuk perniagaan dan golongan kaya, bersama dengan tarif untuk menggalakkan pengeluaran domestik dan mewujudkan peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, polisi beliau boleh menyebabkan peningkatan dalam hutang persekutuan dan tidak mencapai kadar pertumbuhan yang dijangkakan. Sebaliknya, Kamala Harris menyokong cukai yang lebih tinggi untuk golongan kaya dan perniagaan besar, dengan matlamat untuk membiayai program kesejahteraan sosial, serta memberi tumpuan kepada pengurangan hutang pelajar dan menyokong bantuan kewangan untuk isi rumah berpendapatan rendah. Pendekatannya memberi keutamaan kepada peluasan kredit cukai untuk keluarga dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaburan dalam tenaga bersih serta sokongan untuk perniagaan kecil.

Selain itu, isu perubahan iklim menerusi peningkatan kejadian bencana alam, dasar-dasar perubahan iklim memainkan peranan penting dalam menarik pengundi, khususnya pengundi muda. Semasa kempenya, Trump berjanji akan mengakhiri 'Green New Deal' dan menekankan kepada pembangunan tenaga melalui bahan api fosil. Sementara Harris pula memberi tumpuan kepada pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui, mengurangkan kebergantungan terhadap minyak asing, dan mempromosikan keadilan alam sekitar untuk komuniti yang terdedah.

Selain isu perubahan iklim, agenda keselamatan sosial, khususnya penjagaan kesihatan turut mendominasi kempen pilihan raya kali ini. Bagi Trump, beliau pada mulanya menentang pemotongan kepada Medicare dan Jaminan Sosial tetapi kemudian mencadangkan kemungkinan pemotongan, dengan memberi tumpuan kepada pemotongan dalam pembaziran dan penipuan. Harris secara konsisten menyokong pengembangan dan pengukuhan Jaminan Sosial, terutamanya melalui pembaharuan cukai dan cadangan bajet.

Isu keselamatan dan Hubungan luar AS dengan kuasa besar lain seperti China dan Rusia, isu Palestine-Israel serta perang di Ukraine terus menjadi fokus utama dalam kempen pilihan raya ini. Bagi isu Palestine-Israel, Trump memberi sokongan terhadap tindakan Israel sambil memberi amaran mengenai aspek hubungan awam, manakala Harris menyuarakan kebimbangan tentang kematian orang awam dan menyeru gencatan senjata, serta menyokong penyelesaian diplomatik. Bagi peperangan di Ukraine, Trump menyatakan usaha menyelesaikan perang dengan lebih cepat dan mencadangkan perubahan drastik terhadap institusi dasar luar AS, manakala Harris terus menyokong Ukraine dengan bantuan kewangan dan sokongan NATO, sejajar dengan dasar yang dibawa oleh Biden.

Kemenangan Trump dan Implikasi Global

Kemenangan Trump pada pilihan raya presiden AS 2024 ini mempunyai implikasi yang melangkaui sempadan negara. Trump, yang sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Presiden ke-45, berjaya kembali ke Rumah Putih dengan janji-janji untuk mengurangkan cukai, mencipta lebih banyak pekerjaan, dan memperkenalkan dasar luar yang lebih proteksionis. Trump berpendirian bahawa dasar "America First" yang memperlihatkan pengutamaan terhadap kepentingan ekonomi dan keselamatan negara tersebut akan mengutamakan rakyat Amerika. Menurut Trump, keputusan untuk meneruskan dasar seperti tarif global, pembaharuan dalam sistem perdagangan, serta dasar luar yang lebih keras terhadap negara-negara musuh seperti China dan Rusia adalah langkah yang perlu untuk memulihkan kekuatan ekonomi negara. Dalam konteks domestik, Trump telah menjanjikan pengurangan cukai untuk syarikat-syarikat besar dan golongan kaya, sambil mengkritik dasar-dasar yang diperkenalkan oleh Biden, terutamanya dalam menangani isu inflasi dan perbelanjaan sosial. Namun, kemenangan ini juga bermakna bahawa dasar luar Amerika Syarikat akan kembali ke arah yang lebih agresif, dengan penekanan terhadap kekuatan tentera dan pertahanan negara.

Kemenangan Trump juga dijangka akan membawa perubahan besar kepada hubungan luar negara Amerika Syarikat, khususnya dalam beberapa isu besar yang melibatkan keamanan global, perdagangan, dan perubahan iklim. Trump telah mengisytiharkan niatnya untuk meneruskan dasar luar yang lebih menekankan kepada kepentingan nasional, dengan meninggalkan perjanjian-perjanjian multinasional seperti Perjanjian Iklim Paris dan perjanjian perdagangan bebas yang melibatkan negara-negara besar. Kemenangan Trump dijangka akan memberi tekanan kepada negara-negara di seluruh dunia untuk menyesuaikan diri dengan pendekatan baru Amerika Syarikat yang lebih unilateral. Ini mungkin meningkatkan ketegangan dengan negara-negara yang bergantung kepada kerjasama multilateral dalam menangani masalah global seperti perubahan iklim, pengungsi, dan kesihatan awam. Menurut Walt (2020, 23 Mac), Trump akan berusaha untuk mengurangkan komitmen Amerika kepada organisasi antarabangsa dan lebih menumpukan pada dasar luar yang bersifat proteksionis.

Trump semasa menjadi presiden sebelum ini telah memulakan perang perdagangan dengan China, mengenakan tarif tinggi terhadap produk dari negara tersebut untuk mengurangkan defisit perdagangan. Kemenangan Trump dalam pilihan raya 2024 ini mungkin membawa kepada pengukuhan lagi dasar ini, yang berpotensi menyebabkan ketegangan lebih lanjut dalam hubungan antara kedua-dua negara. Selain itu, Trump juga telah menunjukkan sokongan yang kuat terhadap Israel dan menyuarakan pendapat keras terhadap Rusia, terutamanya mengenai isu Ukraine. Walaupun beliau telah menyatakan bahawa beliau boleh menyelesaikan konflik Ukraine, dasar luar yang lebih agresif ini boleh menyebabkan ketegangan lebih besar di Eropah Timur dan negara-negara NATO (Mearsheimer, 2021).

Salah satu aspek yang paling kontroversial dalam pemerintahan Trump adalah penarikan Amerika Syarikat dari Perjanjian Iklim Paris. Kemenangan Trump mungkin membawa kepada kembalinya keputusan untuk menarik diri daripada sebarang usaha global dalam menangani perubahan iklim. Ini akan memberi kesan kepada negara-negara yang bergantung pada kepimpinan Amerika dalam menangani cabaran global ini, dan boleh mempengaruhi perbincangan iklim antarabangsa di masa depan. Klien (2020) menyatakan bahawa keputusan Trump untuk menarik diri dari perjanjian iklim ini telah mempengaruhi kredibiliti Amerika Syarikat di pentas global, dan keputusannya untuk meneruskan dasar tersebut akan memburukkan krisis iklim global.

Kesimpulan

Kemenangan Donald Trump dalam Pilihan Raya Presiden 2024 mencerminkan peningkatan sokongan terhadap dasar nasionalis dan proteksionis di Amerika Syarikat, di samping menunjukkan bahawa sebahagian besar rakyat Amerika masih merasakan keperluan untuk perubahan dalam cara negara tersebut beroperasi dalam arena global. Dari sudut pandangan global, kemenangan ini dijangka akan membawa kepada peningkatan ketegangan dalam hubungan antarabangsa, terutamanya dengan negara-negara besar seperti China, Rusia, dan negara-negara Eropah. Selain itu, dasar-dasar Trump yang berorientasikan kepentingan nasional berpotensi menjejaskan kerjasama global dalam isu-isu besar seperti perubahan iklim, perdagangan, dan keselamatan dunia. Seiring berjalannya waktu, dunia akan terus mengawasi langkah-langkah yang diambil oleh pemerintahan Trump dan impaknya terhadap politik global pada masa depan. Kemenangan ini juga menandakan kebangkitan semula beliau dalam politik Amerika selepas kehilangan jawatan pada Pilihan Raya Presiden 2020, dan ia juga mencerminkan sentimen perubahan yang semakin meluas dalam kalangan sebahagian besar pengundi di negara tersebut. Trump, dengan agenda yang berfokus pada nasionalisme, ekonomi bebas, dan dasar luar negara yang lebih agresif, mendapat sokongan kuat daripada pengundi yang merasakan bahawa dasar-dasar era kepresidenannya menawarkan penyelesaian terhadap masalah dalam negara seperti masalah inflasi, ketidakseimbangan perdagangan, dan masalah imigrasi. Sebaliknya, Kamala Harris, yang mengambil alih pencalonan Demokrat setelah Presiden Joe Biden tidak bertanding untuk penggal kedua, berusaha untuk memelihara dan mengembangkan dasar progresif yang telah diterapkan sepanjang penggal pertama Biden. Kemenangan Trump juga mencerminkan polarisasi politik yang semakin tajam di Amerika Syarikat, dengan sebahagian besar pengundi menyokong gaya kepimpinan yang lebih berani dan berorientasi pada perubahan drastik, manakala yang lain tetap memperjuangkan kestabilan dan dasar inklusif yang diwakili oleh Harris. Pilihan raya ini bukan sahaja memberikan gambaran tentang arah tuju politik Amerika, tetapi juga mempunyai implikasi yang mendalam terhadap politik global, dasar luar negara, dan hubungan antara Amerika Syarikat dengan negara-negara lain di seluruh dunia.

Pengakuan dan Pengisytiharan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada para pengulas tanpa nama dari SINERGI atas maklum balas membina mereka yang membantu meningkatkan kualiti manuskrip ini. Penulis juga amat berterima kasih atas komen mereka terhadap versi awal draf ini. Tiada konflik kepentingan yang dilaporkan. Penulis berterima kasih kepada Cornell University, Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang membolehkan pengumpulan data, kerja lapangan, dan proses penerbitan artikel ini dilaksanakan.

Rujukan

Blais, A., and M. St-Vincent. 2018. *The US Election: An Overview of the 2016 and 2020 Elections*. New York: Springer.

CNN Politics. 2024. "Election 2024: Presidential Results."

[https://www.cnn.com/election/2024/results/president?election-data-id=2024-\(tarikh\(tarikhPG&election-painting-mode=projection-with-lead&filter-key-races=false&filter-flipped=false&filter-remaining=false](https://www.cnn.com/election/2024/results/president?election-data-id=2024-(tarikh(tarikhPG&election-painting-mode=projection-with-lead&filter-key-races=false&filter-flipped=false&filter-remaining=false) [akses pada 30 Desember 2024]

Election Lab. 2024. "2024 General Election Turnout." Florida: University of Florida.

Fiorina, M. P., S. J. Abrams, and J. C. Pope. 2005. *Culture War? The Myth of a Polarized America*. New York: Pearson Longman.

Hall, T. E. 2012. *Primer on the U.S Election System*. Washington: International Foundation for Electoral System.

Klein, N. 2020. *This Changes Everything: Capitalism vs. the Climate*. New York: Simon & Schuster.

Lindsay, J. M. 2024. "The 2024 Election by the Numbers." *Council on Foreign Relations*, December 18. <https://www.cfr.org/article/2024-election-numbers> [akses pada 30 Desember 2024]

Mearsheimer, J. 2021. *The Tragedy of Great Power Politics*. New York: W.W. Norton & Company.

Newsnation. 2024. "Trump vs. Harris: Where They Stand on Issues That Matter to Voters." <https://www.newsnationnow.com/politics/2024-election/trump-harris-political-views/> [akses pada 30 Desember 2024]

Pew Research Center. 2023. "The Political Divide in the United States: A Look at How Americans View Their Political Parties." Pew Research Center.. <https://www.pewresearch.org> [akses pada 30 Desember 2024]

Reuters. 2024. "Trump Wins Arizona, Sweeping All Seven Battleground States." November 9. <https://www.reuters.com/world/us/trump-wins-arizona-sweeping-all-seven-battleground-states-edison-research-says-2024-11-10/> [akses pada 30 Desember 2024]

Tufekci, Z. 2017. *Twitter and Tear Gas: The Power and Fragility of Networked Protest*. New Haven: Yale University Press.

Walt, S. M. 2020. "The Death of American Competence." *Foreign Policy*, March 23.. <https://foreignpolicy.com/2020/03/23/death-american-competence-reputation-coronavirus/> [akses pada 30 Desember 2024]

Ziblatt, D., and S. Levitsky. 2018. *How Democracies Die*. New York: Crown Publishing Group.